



A member of UEM 

Siaran Media Media Release

UNTUK SIARAN SEGERA
31 Oktober 2017

OPERASI PLAZA TOL BUKIT KAYU HITAM BERPINDAH KE LOKASI BAHARU MULAI JAM 6:00 PAGI, 1 NOVEMBER 2017

Petaling Jaya, Selasa:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa operasi Plaza Tol Bukit Kayu Hitam di KM0.65 di Lebuhraya Utara-Selatan akan berpindah ke lokasi baharu di KM1.0 mulai jam 6:00 pagi, 1 November 2017.

Namun demikian, selepas beroperasi di lokasi baharu pada tarikh tersebut, kutipan tol di Plaza Tol Bukit Kayu Hitam berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2017 sahaja.

Ini berikutan pengumuman pemansuhan tol di Plaza Tol Bukit Kayu Hitam seperti diumumkan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak dalam pembentangan Bajet 2018.

Lokasi yang baharu ini adalah sebahagian daripada projek pembangunan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin & Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam yang baharu.

Selain daripada itu, bermula 1 November akan datang, plaza tol ini akan melanjutkan tempoh operasinya iaitu di antara jam 6:00 pagi hingga 2:00 pagi setiap hari berbanding tempoh operasi 6:00 pagi hingga 12 tengah malam pada ketika ini bagi urusan perjalanan orang ramai di sempadan.

Pembukaan plaza tol ini juga adalah serentak dengan pembukaan Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam yang baharu pada 1 November 2017.

PLUS mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama semua pengguna lebuhraya.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Komunikasi Korporat PLUS di talian 03-7666 4631.